

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD



Sakinah Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif
dan Pengarah Eksekutif Kanan
Koperasi Permodalan FELDA (M) Berhad (KPF)

Misi KPF Muncul sebagai Koperasi Konglomerat

PENUBUHAN Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956 sememangnya tepat, lebih-lebih lagi pada ketika itu, negara berada pada ambang kemerdekaan. Sebagai mengisi makna kemerdekaan yang pastinya menjanjikan kebebasan dan kemakmuran, maka falsafah pembangunan negara dibentuk secara menyeluruh, bersepadu dan terangkum. Kesan daripada pelaksanaan dasar tersebut, pembangunan sosioekonomi bukan sahaja rancak di kawasan bandar, malahan merentas ke kawasan pedalaman terpencil yang sememangnya daif dan mundur. Tidak hairanlah kejayaan FELDA menyusun semula masyarakat mengundang rasa cemburu pihak tertentu.

Siapa sangka setelah 60 tahun berlalu, warga FELDA berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan, walhal dahulunya hidup mereka melarat dan tidak berharta. Tidak syak lagi, kewujudan FELDA menjadi batu loncatan bagi pembangunan masyarakat luar bandar sehingga diiktiraf sebagai agensi pembangunan tanah paling berjaya di dunia.

Demikian juga dengan persekitaran FELDA yang turut berubah wajah menjadi pusat bandar yang pesat membangun dan berkembang maju serta dilengkapi dengan kemudahan moden. Kini kemasyhuran FELDA terserlah, sejajar dengan tersergam kukuhnya Menara FELDA setinggi 50 tingkat yang bertentangan dengan bangunan yang menjadi mercu tanda negara - Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC).

Kejayaan yang ditempa FELDA bukan berupa kosmetik atau bersifat fizikal, sebaliknya yang turut sama memahat sejarah kejayaan ialah generasi baharu FELDA. Kini peneroka FELDA bukan lagi petani miskin, sebaliknya mempunyai ciri masyarakat maju, malahan ada segelintir daripada mereka berjaya dalam pelbagai lapangan.

Control NO : 0000275294
File name : BUS2017402.pdf

Business - Economics

Pg : 32 - 40



Jika ditinjau sejarah negara sebelum mengecap kemerdekaan, pembukaan tanah secara besar-besaran dipelopori warga asing. Syarikat asing, terutamanya dari Britain menguasai 70 peratus ladang atau estet di Malaysia, diikuti 23 peratus milik peniaga Cina dan tujuh peratus milik usahawan India.

Namun begitu, selepas merdeka, ketika peneroka sibuk mengusahakan ladang mereka, FELDA terus meluaskan cengkamannya sehingga muncul sebagai pemilik dan pengurus estet terbesar dunia dengan keluasan tanah lebih daripada 850 ribu hektar.

Daripada belantara dan bukit-bukau, maka wujudlah penempatan FELDA. Bermula dengan FELDA Lurah Bilut di Pahang pada tahun 1959, kini FELDA mempunyai 317 buah rancangan dengan 112 ribu orang peneroka. Berikutan itu, landskap FELDA turut berubah wajah dan pesat membangun

sehingga menjadi kawasan pembangunan yang diidam-idamkan seperti Bandar Tun Abdul Razak di Pahang (dahulunya dikenali sebagai Pusat Bandar Jengka) yang menghimpunkan 29 buah penempatan FELDA.

Sebagai sebuah entiti bebas dan tidak lagi bergantung pada bantuan atau dana daripada kerajaan sejak tahun 1994, situasi ini berupaya menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM400 juta setahun. Setiap pendapatan dan keuntungan yang dijanakan oleh Kumpulan FELDA, para peneroka turut menikmatinya secara bersama. Hal ini membuktikan FELDA mampu mengurus kewangannya dengan efisien dan cerita FELDA bankrap merupakan tohmahan karut!

Seiring dengan peredaran masa, keperluan komuniti FELDA turut berubah. Meskipun FELDA sudah melaksanakan pembangunan infrastruktur, bantuan kewangan, pendidikan, biasiswa,

perumahan generasi kedua, dan sebagainya, tetapi kini kehendak warga FELDA semakin kompleks, terutamanya mekanisme untuk meningkatkan pendapatan mereka. Kalau dahulu hanya dengan tangan serta cangkul, dan semata-mata mengharapkan hasil daripada ladang, tetapi kini tuntutan mereka telah berubah seiring dengan kemajuan negara.

Apabila harga komoditi utama seperti getah dan sawit berada pada paras yang baik, pendapatan peneroka turut meningkat. Dengan bertambahnya pendapatan peneroka, maka mereka mempunyai lebih wang untuk dibelanjakan dan juga untuk disimpan. Sebagai usaha untuk menggalakkan penyimpanan dan pelaburan wang oleh peneroka, maka pengurusan FELDA mewujudkan Tabung Simpanan Peneroka seperti koperasi di setiap tanah rancangan dan menubuhkan syarikat subsidiari FELDA untuk melaksanakan aktiviti hiliran supaya peneroka menikmati pulangan hasil yang optimum.

Bermula dengan penubuhan Perbadanan Niaga FELDA pada tahun 1972, satu demi satu perbadanan ditubuhkan sehingga menjadi 13 buah kesemuanya. Oleh sebab kegiatan perniagaan syarikat tersebut mempunyai hubungan terus dengan hasil aktiviti peneroka, maka pengurusan FELDA berpendapat adalah sangat wajar peneroka diberi peluang sama memiliki ekuiti atau saham di dalam syarikat yang ditubuhkan oleh FELDA.

Bagi merealisasikan hasrat murni inilah, FELDA memikirkan satu badan induk khusus untuk mengumpul wang simpanan daripada peneroka supaya dapat disalurkan dan dilaburkan di dalam syarikat subsidiari FELDA dan syarikat usaha sama FELDA, sekali gus memperoleh pulangan faedah yang lebih memuaskan.

Tidak ketinggalan bagi membantu meningkatkan pendapatan peneroka dalam pemberian dividen yang tinggi setiap tahun ialah Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF). Pada suatu ketika, KPF dilaporkan membayar dividen dan bonus sebanyak 18 peratus kepada ahlinya yang terdiri daripada peneroka, keluarga peneroka dan kakitangan FELDA. Sehubungan dengan itu, sidang editor *Dewan Ekonomi* menemu bual Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif KPF merangkap Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan KPF untuk berkongsi

kisah kejayaan KPF meningkatkan pendapatan anggotanya, terutama peneroka FELDA.

"KPF menyasarkan visi untuk menjadi sebuah koperasi konglomerat pada masa depan. Oleh sebab itu, KPF mempelbagaikan punca pendapatan dengan menceburi pelbagai bidang perniagaan. Kini perolehan KPF dijanakan daripada dividen dan pelaburan, pulangan daripada simpanan dan aktiviti pembiayaan, pendapatan daripada penjualan sekuriti, pendapatan daripada aktiviti perladangan kelapa sawit, pengurusan harta tanah perhotelan, skim pajak gadai Islam dan sebagainya, termasuk menerusi syarikat subsidiari KPF," jelas Sakinah sewaktu diwawancara di pejabatnya yang terletak di Balai FELDA, Kuala Lumpur.

Mengimbas sejarah KPF, koperasi tersebut ditubuhkan pada 1 Julai 1980 dengan modal syer sebanyak RM340 ribu. Cadangan penubuhannya dicetuskan pada mesyuarat Lembaga FELDA yang ke-102 bertarikh 5 Januari 1980 yang dipengerusikan oleh YM Tan Sri Raja Muhammad Alias, Pengerusi FELDA pada ketika itu. Objektif penubuhannya adalah untuk menjadikan KPF sebagai wadah simpanan dan pelaburan anggota, sekali gus berupaya meningkatkan taraf ekonomi warga FELDA. Secara tidak langsung, KPF dapat memberikan peluang secara adil kepada warga FELDA untuk turut serta memiliki ekuiti dalam syarikat Kumpulan FELDA.

"KPF menyasarkan visi untuk menjadi sebuah koperasi konglomerat pada masa depan. Oleh sebab itu, KPF mempelbagaikan punca pendapatan dengan menceburi pelbagai bidang perniagaan...."



Jadual 1 Prestasi kewangan dan pulangan dividen KPF.

Tahun	Perolehan (RM Juta)	Untung Sebelum Cukai dan Zakat (RM Juta)	Untung Selepas Cukai dan Zakat (RM Juta)	Dividen dan Bonus (%)
2016	797.63	203.64	168.88	10
2015	744.19	118.78	106.79	10
2014	1077.32	292.31	275.49	10
2013	965.53	2094	1765	16.5
2012	825.73	440.26	351.7	15
2011	691.09	431.10	356.14	18
2010	575.02	322.93	256	15

Menurut Sakinah, KPF membawa imej yang besar dan bertanggungjawab kepada majoriti anggotanya yang terdiri daripada warga FELDA. Terangnya, setakat Januari 2017, KPF mempunyai modal syer berjumlah RM2.49 bilion dan dana sebanyak RM4.4 bilion yang mengurus menerusi lima kelas aset utama, iaitu pelaburan korporat, perladangan, pasaran modal, harta tanah dan perkhidmatan kewangan.

Sehingga kini, KPF mengeluarkan dividen dan bonus berjumlah RM1.3 bilion kepada pencarumnya sejak ditubuhkan 37 tahun lalu. Sakinah berkata, prestasi KPF adalah konsisten kerana dapat membayar dividen dan bonus antara 10 hingga 16.5 peratus bergantung pada keuntungan dan prestasi ekonomi semasa. Ujarnya, bagi tahun 2016, sebanyak 10 peratus dividen dibayar kepada pencarum yang membolehkan peruntukan sebanyak RM250.6 juta.

"Sementara itu, jumlah anggota KPF sehingga 31 Januari 2017 ialah 264 103 orang. Kumpulan peneroka mencatatkan taburan terbesar, iaitu sebanyak 233 635 anggota atau 88.46 peratus, manakala kumpulan kakitangan FELDA berjumlah 30 468 anggota (11.54 peratus).

"Pada masa ini, KPF memiliki tujuh buah syarikat subsidiari kawalan langsung dan 48 188.63 ekar (19 501.67 hektar) ladang sawit. Ladang di Samarahan, Sarawak, berkeluasan 15 369 hektar merangkumi tanah kosong seluas 5340.86 hektar dan kawasan bertanam sawit seluas 10 028.07 hektar. Sementara itu, Ladang Aring, Blau dan Limau Kasturi di Gua Musang, Kelantan, pula berkeluasan 4164 hektar.

"Selain itu, KPF juga memiliki Kilang Sawit Ensengei di Samarahan, Sarawak, yang berkapasiti

60 tan dan berkemampuan memproses 52 048 tan minyak sawit mentah dan 8050 tan isi sawit, jelas Sakinah.

Mengulas lanjut tentang perancangan sektor perladangan, Sakinah memberitahu bahawa KPF merancang untuk menambah lagi 20 ribu hektar keluasan tanah yang dijangkakan mampu menyumbang perolehan KPF sebanyak 30 peratus dividen yang kompetitif.

"Hal ini akan menjadikan keluasan ladang KPF berjumlah 40 ribu hektar. Meskipun harga sawit tidak menentu, aktiviti perladangan tetap menjadi keutamaan KPF kerana memberikan pulangan yang stabil dan berterusan," ujar Sakinah.

Ber cerita tentang portfolio pelaburan dan harta tanah KPF, Sakinah menegaskan bahawa sektor tersebut akan diperkukuh menerusi pembinaan hotel, serta pembelian bangunan untuk penyewaan ruang pejabat dan premis perniagaan. Katanya, KPF kini memiliki sebuah hotel bertaraf empat bintang yang dikenali sebagai Hotel Tenera di Bangi, Selangor, dengan kapasiti 300 unit bilik, 200 unit apartmen servis dan dewan bankuet yang boleh menampung sebanyak 2000 orang pada sesuatu acara.

"KPF juga memajak sebuah hotel di Makkah, iaitu Hotel Dar Um Al-Qura; melabur dalam sektor harta tanah untuk penyewaan ruang pejabat dan premis perniagaan seperti The Icon West Wing di Jalan Tun Razak; Blok E Southgate Commercial Centre di Sungai Besi; 30 Jewels di Icon City, SSB Petaling Jaya dan Portcity@POIC di Lahad Datu, Sabah."

Menurut Sakinah, portfolio lain yang turut diberikan perhatian ialah perkhidmatan kewangan yang merangkumi kemudahan pembiayaan kepada

Jadual 2 Anugerah yang dimenangi KPF.

Anugerah	Tahun
• Anugerah Koperasi Wilayah Persekutuan Terbaik Sektor Perladangan - Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).	2016
• Anugerah Francaisi Terbaik Malaysia - Malaysian Franchise Association (MFA).	
• Anugerah Pengurusan Cemerlang dan Terbilang Koperasi - Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA).	2015
• Anugerah Tokoh Koperasi - ANGKASA.	
• Anugerah Koperasi Terbaik - ANGKASA.	
• Anugerah Homegrown Franchise of The Year - KPDKKK dan MFA.	
• Anugerah Koperasi No. 1 Negara - SKM.	
• Anugerah Koperasi PERDANA - KPDKKK.	2014
• Anugerah Khas "Koperasi Terbaik di Malaysia" - ANGKASA.	
• Anugerah Hari Koperasi Terbaik di Malaysia - SKM.	
• Anugerah Hari Koperasi Negara Kategori Hartanah - SKM.	2013
• Anugerah Koperasi 5 Bintang - SKM.	

anggota KPF dan pembiayaan korporat. Selain itu, KPF juga menawarkan skim deposit berjangka mudarabah bagi membantu anggota membuat pelaburan jangka pendek dan menggalakkan amalan tabungan dengan memberikan pulangan dividen yang kompetitif.

"Setakat ini, KPF memiliki 16 buah cawangan ar-rahnu di seluruh negara yang dikenali sebagai Ar-Rahn dan bercadang untuk menambah 10 buah lagi cawangan pada akhir tahun ini," tambahnya.

Tahun 2015 dan tahun 2016 merupakan tempoh yang sangat mencabar bagi KPF apabila Ringgit jatuh merudum, serta Bursa Malaysia dan harga sawit merosot. Fenomena ini menyebabkan pulangan hasil pelaburan KPF terjejas dan nilai serta aset KPF turut menurun. Namun demikian, KPF masih berupaya untuk memberikan pulangan dividen 10 peratus kepada anggotanya.


Mengulas perihal perancangan masa depan KPF, Sakinah menjelaskan bahawa Rancangan Perniagaan lima Tahun (2013-2017) KPF merangka strategi untuk memperkasakan kesinambungan pulangan pelaburan dalam bidang berskala besar dan berimpak tinggi.

"Antara strategi utama KPF bagi meneruskan sinergi kecemerlangan termasuklah dengan memperkasakan bidang perladangan dan pertanian. Kedua, bidang perkhidmatan kesihatan, perhotelan, pengangkutan dan kepenggunaan akan diberikan perhatian serius sebagai punca pendapatan baharu KPF. Ketiga, KPF juga bercita-cita untuk menceburi bidang perbankan dan

takaful." Menurut Sakinah, sejak tahun 2014, KPF beroperasi tanpa pendapatan dividen daripada FELDA Holdings Sdn. Bhd. (FHB) setelah ekuiti KPF sebanyak 51 peratus dalam FHB dijual kepada FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) pada tahun 2013. Berikutan hal itu, jumlah dana yang diperoleh sebanyak RM2.2 bilion digunakan untuk melabur dalam sektor perladangan dengan membeli ladang di Sarawak dan tiga bidang tanah di Kelantan yang berjumlah RM1.2 bilion. Hal ini diputuskan demikian kerana anggota lembaga KPF berkeyakinan bahawa sektor perladangan mampu memberikan pulangan yang stabil bagi jangka masa panjang.

"Pada masa yang sama, pembelian ladang sawit tersebut dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, terutamanya kepada mantan kakitangan FELDA yang sememangnya berpengalaman dan pakar dalam urusan ladang sawit," tambahnya.

Pembangunan modal insan amat penting dan kakitangan sebagai aset terpenting KPF diberikan peluang yang cukup luas untuk melanjutkan pelajaran sehingga peringkat tertinggi. Mengulas perihal tersebut, Sakinah menjelaskan, sememangnya KPF amat menitikberatkan pencapaian akademik dengan menggalakkan kakitangannya melanjutkan pelajaran. Katanya, KPF ada menawarkan beberapa insentif seperti bantuan yuran pengajian kepada staf yang berjaya menamatkan pengajian mereka, sama ada pada peringkat diploma mahupun ijazah.



Jadual 4 Syarikat subsidiari KPF (kawalan langsung).

DN	Nama Syarikat	Aktiviti Perniagaan	Pegangan
1	FELDA Trading Sdn. Bhd. (FTSB)	Perdagangan, operasi peruncitan dan aktiviti yang berkaitan dengannya.	100 peratus dimiliki KPF
2	KPF Holdings Sdn. Bhd.	Pemegang pelaburan.	100 peratus dimiliki KPF
3	KPF Plantation Sdn. Bhd.	Mengurus dan menjalankan operasi ladang.	100 peratus dimiliki KPF
4	KPF Agro Properties Sdn. Bhd.	Kontraktor penanaman semula, perladangan dan pembangunan tanah.	90 peratus dimiliki KPF
5	FELDA D'Saji Sdn. Bhd.	Mengurus perkhidmatan catering.	60 peratus dimiliki KPF
6	KPF Palm Oil Mill Sdn. Bhd.	Mengurus dan menjalankan operasi kilang minyak sawit.	100 peratus dimiliki KPF
7	KPF Hotel Management Sdn. Bhd.	Perkhidmatan perhotelan.	100 peratus dimiliki KPF

"Untuk melahirkan kakitangan yang berdedikasi dan mahir, mereka dihantar untuk menghadiri program latihan atau kursus jangka pendek supaya kualiti kerja mereka lebih cemerlang, di samping dapat mewujudkan suasana kerja yang harmoni. Di samping itu, program berbentuk kerohanian turut diterapkan dan diadakan secara berkala seperti ceramah agama dan pengajian al-Quran.

"Bagi melancarkan tadbir urus yang baik dan cekap, KPF kini mempunyai kakitangan sebanyak 200 orang meliputi kumpulan pengurusan,

eksekutif dan bukan eksekutif. Oleh itu, setiap kakitangan perlu ikhlas untuk memberikan khidmat bakti mereka agar matlamat yang ditetapkan dapat dicapai. Jika sifat ikhlas sentiasa tertanam dalam diri, barulah kita akan memperoleh kepuasan dalam kerjaya dan sumbangan kepada organisasi." tegasnya.

Tahun 2015 merupakan tahun kegemilangan KPF apabila menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan. Sebanyak enam anugerah diterima oleh KPF, dan Anugerah Koperasi Perdana 2015 daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Anugerah Koperasi No.1 Negara 2015 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merupakan pengiktirafan tertinggi yang diterima.

Sebagai sebuah koperasi yang prihatin dengan kebajikan masyarakat, KPF bukan sahaja menitikberatkan kebajikan anggotanya, tetapi turut membantu insan lain yang memerlukan bantuan. Pada penghujung tahun 2014, apabila negara dikejutkan dengan bencana banjir terburuk dalam sejarah negara dan warga FELDA yang juga anggota KPF turut menjadi mangsa, KPF meluluskan peruntukan khas misi bantuan kemanusiaan mangsa banjir berjumlah RM500 ribu.

Mengakhiri perbualan, beliau menyatakan bahawa kunci kejayaan KPF adalah terletak pada kepercayaan dan sokongan lembaga pengurusan, petugas dan anggotanya. Oleh hal yang demikian, beliau berharap semua pihak akan terus menggembleng tenaga dan tekad bagi meneruskan legasi kecemerlangan KPF sebagai koperasi konglomerat yang patuh syariah sesuai dengan visi dan misinya. ●

Cabaran Memberi Anggota Pulangan Dividen

"MENGURUS organisasi seperti KPF ibarat permainan catur - memerlukan strategi, kesabaran, dan akal untuk membuat sesuatu keputusan. Hal ini dikatakan demikian kerana prestasi KPF bergantung pada pulangan dividen kepada anggotanya."

Demikianlah falsafah yang menjadi pegangan wanita kelahiran negeri Cik Siti Wan Kembang ini. Beliau sentiasa bersikap positif terhadap tugasnya dan tidak mengganggapnya sebagai sesuatu yang membebankan. Pada masa yang sama, beliau juga ingin membuktikan bahawa wanita sepertinya mempunyai kemahiran memimpin yang tinggi dan mampu memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan negara.

Sakinah Salleh, 48 tahun, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau sememangnya berpengalaman luas dan mempunyai jiwa yang kental, tambahan pula, tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif menuntut komitmen yang tinggi sepanjang masa. Tidak hairanlah beliau diberi tanggungjawab yang besar untuk mengemudi sebuah organisasi mega seperti KPF, lebih-lebih lagi ketika KPF berada di persimpangan setelah punca utama pendapatannya hilang, berikutan penjualan 51 peratus ekuitinya dalam FELDA Holdings Berhad.

Beliau memangku tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KPF sejak Februari 2014 dan dilantik menyandang jawatan tersebut berkuasa pada 1 November 2014. Di samping itu, beliau turut dilantik menganggotai lembaga pengarah syarikat berkaitan Kumpulan KPF seperti FELDA Properties Sdn. Bhd., KLV Resources Sdn. Bhd., Cope-KPF Opportunities 1 Sdn. Bhd. dan KPF Plantations Sdn. Bhd.

Ternyata putaran masa yang berlalu begitu pantas menggoreskan pelbagai warna dalam kehidupan Sakinah. Tanpa sedar, sudah 17 tahun beliau memberikan khidmat yang jitu untuk KPF. Bermula dengan jawatan sebagai akauntan pada tahun 2000, beliau menapak dari satu tahap ke satu tahap sehingga pada kedudukan sekarang. Pengalaman luas yang diperoleh beliau semasa memegang jawatan pengurus dan seterusnya Pengurus Besar Kewangan dan Pelaburan, sedikit banyak menjadi bekal dan panduan sepanjang beliau menerajui KPF.

Ujar Sakinah, beliau menganggap masalah sebagai cabaran dan mengamalkan kerja secara berpasukan, tidak kira dengan kakitangan lelaki mahupun wanita. Katanya, setiap perkara yang dilakukannya, sama ada dalam konteks



Jadual Pengalaman dan kerjaya Sakinah Salleh.

- Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan KPF (sejak November 2014).
- Ahli Lembaga Pengarah FELDA Properties Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah KLW Resources Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah Cope-KPFOpportunities 1 Sdn. Bhd.
- Ahli Lembaga Pengarah KPF Plantations Sdn. Bhd.
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KPF (2010-2014)
- Pengurus Besar Kewangan & Pelaburan (2004-2010)
- Pengurus Akaun dan Pelaburan KPF (2000-2004)
- Pengurus Kanan Pentadbiran dan Kewangan di Relk Corporation Sdn. Bhd. (1997-2000).
- Pegawai Eksekutif Akaun di Shedden Consultancy Pty Ltd. (1994-1997)

kerjaya atau rutin harian, harus mempunyai matlamat dan fokus yang jelas.

"Sejujurnya, faktor gender bukanlah halangan untuk seseorang itu membuktikan kemampuannya. Malahan saya bersyukur kerana KPF tidak

memandang rendah pada kemampuan wanita, sebaliknya melihat pada kualiti kerja yang dipamerkan.

"Saya tidak menghadapi masalah dengan pegawai dan kakitangan lelaki dan saya cuba melihat dan menilai pandangan mereka. Sebagai ketua, jangan terlalu menghalang pendapat mereka meskipun mempunyai pendapat dan pandangan sendiri. Perkara yang dinilai ialah pencapaian, sumbangan, dan kebolehan seseorang, bukannya kerana jantina." luah Sakinah apabila diajukan soalan tentang cabaran sebagai Ketua Pegawai Eksekutif wanita bagi mengurus organisasi besar seperti KPF.

Ditanya tentang ciri utama yang perlu ada pada seseorang siswazah yang ingin menceburi bidang perniagaan, beliau berkata, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya seseorang individu perlu menguasai dengan mendalam bidang perniagaan yang ingin diceburi.

"Tidak perlu memulakan perniagaan secara besar-besaran, sebaliknya yang lebih penting ialah bakal usahawan mempunyai pengalaman yang secukupnya dan tahu mengurus risiko, cabaran, dan mempunyai ilmu yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Selain itu, ciri lain yang perlu ada pada seseorang usahawan ialah tidak sombong, mudah bergaul, jujur dan berintegriti."

Sebelum mengakhiri sesi wawancara, beliau menaruh harapan yang tinggi terhadap Lembaga Pengarah KPF yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan pengalaman untuk memacu KPF menjadi peneraju koperasi konglomerat. ●

